

Untuk SIARAN SEGERA

31 Januari 2019

KENYATAAN MEDIA

SWM KASIH : MISI SAMPUL MERAH BERSAMA 4 KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN DI KAMPUNG BUKIT CINA DALAM, DUN BANDAR HILIR

Melaka, 31 Januari 2019 - SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) Melaka berkongsi keceriaan dalam menyambut perayaan Tahun Baru Cina tahun ini bersama 4 buah keluarga yang memerlukan bantuan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Hilir bersama YB Datuk Tey Kok Kiew, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau merangkap ADUN Bandar Hilir pada hari ini.

Sumbangan sempena Tahun Baru Cina

Untuk tahun 2019, pihak SWM Environment telah berbesar hati untuk meraikan 4 buah keluarga yang berbangsa Tiong Hua di Bukit Cina Dalam sempena menyambut Tahun Baru Cina yang bakal menjelang 5-6 Februari 2019 ini.

Program ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti SWM Kasih iaitu entiti tanggungjawab sosial korporat (CSR) SWM Environment dan bertujuan untuk berkongsi kegembiraan dan keceriaan menyambut Tahun Baru Cina bersama golongan yang kurang bernasib baik disamping mengambil berat hal-hal kebajikan keluarga-keluarga ini.

Pihak SWM Environment memberi sumbangan berupa keperluan harian, hamper dan duit raya serta melakukan aktiviti penceriaan kawasan rumah mereka seperti pembersihan rumah dan persekitaran rumah supaya sambutan Tahun Baru Cina mereka disambut dalam keadaan yang bersih dan ceria di samping berpeluang bergaul mesra bersama mereka.

Tidak ketinggalan, pihak SWM juga telah mengadakan acara menggaul *YEE SANG* yang telah menjadi tradisi turun temurun itu bagi menyemarakkan lagi suasana perayaan Tahun Baru Cina bersama 4 buah keluarga terlibat.

Memupuk Nilai Murni

“Program amal yang dianjurkan seperti ini diharap dapat menimbulkan kesedaran kepada golongan masyarakat untuk bersama-sama berkongsi kegembiraan bersama golongan yang kurang bernasib baik selain memberikan sedikit keceriaan kepada mereka dalam menyambut perayaan Tahun Baru Cina,” kata Dr. Al’Ashari Hj. Othman, Pengurus Wilayah Melaka & N. Sembilan SWM.

Bersempena dengan perayaan ini juga, orang ramai digalakkan untuk mempratikkan amalan pengasingan sisa di punca serta pembudayaan amalan 3R (Reduce, Reuse & Recycle),” tambah Dr. Al’ Ashari.

Tanggungjawab Sosial Korporat

“Pihak syarikat memandang berat kebajikan keluarga yang kurang bernasib baik ini dan merasakan adalah amat penting untuk menggembirakan mereka supaya mereka tahu bahawa masih ada golongan yang prihatin terhadap kebajikan mereka,” ujar Dr Al’Ashari.

Sebelum ini pihak syarikat banyak melaksanakan tanggungjawab sosial korporat yang bertumpu pada pemeliharaan alam sekitar seperti memberikan perkhidmatan kutipan sampah pukal secara percuma sempena menyambut perayaan besar kepada masyarakat di zon selatan, namun begitu ianya kini telah diperluas dengan melaksanakan program amal bersama-sama dengan golongan yang kurang bernasib baik.

Melalui program amal yang dianjurkan oleh pihak syarikat, ia dapat memberikan sedikit sebanyak keceriaan kepada mereka yang kurang bernasib baik serta meringankan beban dengan sumbangan yang diberikan kepada mereka walaupun dalam jumlah yang kecil.

-Tamat-

“PERKHIDMATAN BERKUALITI KEUTAMAAN KAMI”

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja lebih daripada 7,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web www.swm-environment.com untuk maklumat lebih lanjut berkenaan perkhidmatan syarikat SWM.